

07 OCT 2003

Siva-Mahathir

MAHATHIR SEORANG ARKITEK PERMODERNAN KESATUAN SEKERJA, KATA SIVA

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Cuepacs menganggap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang arkitek modern bagi pergerakan Kesatuan Sekerja Malaysia kerana beliau telah memberikan kesatuan satu dorongan baru dan bermakna bagi meningkatkan kesejahteraan para pekerja.

Presiden Cuepacs, Datuk N.Siva Subramaniam berkata hari ini, bahawa Dr Mahathir mempunyai kelembutan hati terhadap para pekerja dan beliau telah banyak memperbaiki faedah pekerja terutamanya kakitangan awam semasa beliau memegang jawatan itu.

Bercakap pada satu temubual dengan Bernama, Siva yang akan bersara daripada perkhidmatan kerajaan mulai esok berkata, sepanjang pengetahuan beliau, Dr Mahathir merupakan satu-satunya Perdana Menteri di dunia yang berunding terus dengan kakitangan awam.

Dr Mahathir sanggup mengeneipkan perbelanjaan besar dan masa yang banyak suruhanjaya gaji dan memilih berurusan terus dengan kesatuan.

Beliau berkata Perdana Menteri mempunyai kecemerlangan dalam menangani masalah pekerja dan iklas dalam usaha menyelesaikan sesuatu masalah yang terbaik untuk kedua-dua pihak kerajaan dan pekerja.

Dalam masa enam tahun lepas, kerajaan telah menjalin perkongsian dengan para pekerja dan ini telah memberikan satu makna yang baru dan kekuatan kepada pergerakan kesatuan sekerja.

Siva berkata dengan perkongsian ini dan arahan Dr Mahathir semua jabatan kerajaan telah mengaktifkan semula majlis bersama jabatan.

"Sebenarnya, Dr Mahathir telah juga mengarahkan Ketua Setiausaha Negara menyediakan beliau laporan bulanan mengenai bilangan majlis yang telah dipulihkan," kata Siva.

Antara faedah yang disediakan kerajaan kepada hampir satu juta pekerjanya ialah;

- * penambahan 50 peratus gratuiti daripada 5 peratus kepada 7.5 peratus
- * penambahan gaji kakitangan awam kira-kira 20 peratus bagi semua katogeri
- * bayaran bonus tahunan
- * penambahan cuti bersalin dari 42 hari kepada 60 hari
- * cuti bagi suami kerana isteri bersalin 7 hari
- * cuti ganti rugi 3 hari
- * pemeriksaan perubatan percuma
- * meningkatkan jawatan kenaikan pangkat dengan perkhidmatan

Selain itu Perdana Menteri juga telah memasukkan wakil pekerja dalam badan membuat keputusan penting kerajaan. Wakil pekerja termasuk dalam delegasi rasmi ke luar negara.

Siva berkata semua ini menafikan kata-kata bahawa Perdana Menteri seorang yang anti-Kesatuan.

"Saya boleh katakan bahawa setakat ini beliau merupakan seorang Perdana Menteri yang paling pro-kesatuan," kata beliau.

Mengenai bakal Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi, beliau yakin bahawa beliau akan menjalankan tugas dan terus menjalankan tugas dengan baik seperti yang telah dibuat oleh Dr Mahathir.

"Saya percaya bahawa di bawah kepimpinan Abdullah, negara ini akan menghadapi pembangunan yang paling pesat dan hubungan majikan dan pekerja akan dapat ditingkatkan," kata beliau.

-- BERNAMA

SAJ KHY BK